

Mahathir mahu petani ubah cara bekerja

BH 26 MAR 2001
Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar, Suzianah Jiffar dan Francis Andin

TENOM, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak yang terbabit dalam bidang pertanian, termasuk pekebun kecil, meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing melalui cara kerja baru yang lebih ber sistem dan berdisiplin.

Perdana Menteri berkata, seperti juga cara kerja yang diamalkan sektor korporat di negara ini, bidang pertanian perlu diusahakan secara berdisiplin dan tertib serta mengikut jadual kerja yang tetap.

“Antara sebab utama kenapa daya pengeluaran rendah di kalangan petani kecil ialah tiada tumpuan sepenuh masa diberikan terhadap kerja mereka, bekerja bila ada masa lapang, kadang-kadang tidak bekerja dan tidak mengambil berat mengenai ladang mereka.

“Oleh itu, kita perlu lebih tertib dalam mengurus ladang-ladang kecil ini dan tentukan masa kerja yang secukupnya diberikan,” katanya ketika merasmikan Taman Pertanian Sabah di Lagud Sebrang, kira-kira 20 kilometer dari sini, pagi ini.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam;

Petani dan pekebun kecil perlu lebih tertib dalam mengurus ladang-ladang kecil mereka dan tentukan masa kerja yang secukupnya diberikan

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Lajim Ukin serta menteri dan pembantu menteri Kabinet Sabah.

Taman pertanian seluas 200 hektar itu terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan pertama seluas 56 hektar mengandungi tasik rekreasi, pelbagai rekaan lanskap, muzium tanaman, taman haiwan dan pusat lebah.

Kawasan kedua seluas 144 hektar mempunyai plot pameran, petak pertanian percubaan serta projek perhutanan. Keseluruhan projek itu dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

Melalui taman itu, kerajaan negeri berharap untuk menyediakan ladang contoh bagi aktiviti pertanian dan penternakan dan perikanan serta menjadi pusat pendidikan dan latihan bagi teknologi pertanian serta sebagai himpunan khazanah pertanian melalui pengumpulan dan pemuliharaan sumber hutan.

Ia bagi menambah pengetahuan masyarakat mengenai hubungan antara pertanian dan pemuliharaan sumber asli, selain mewujudkan pembangunan pelancongan berasaskan pertanian.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia yang ingin mengeluarkan hasil maksimum dalam pengeluaran pertanian dan menambah pendapatan, perlu menukar pendekatan kerja mereka.

“Contohnya cara kerja ladang besar yang berjaya meningkatkan hasil keluaran melalui usaha gigih dan berdisiplin ketika melakukan kerja. Mereka bekerja lapan jam sehari dan petani serta pekebun kecil perlu mengikut cara kerja seperti mereka untuk meningkatkan hasil pertanian dan pendapatan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mengabaikan sektor pertanian walaupun membangun dalam teknologi maklumat dan sektor in-

dustri pembuatan.

"Negara masih memerlukan sumbangan sektor pertanian dalam pembangunan negara, malah kita masih perlukan makanan walaupun berjaya dalam bidang teknologi maklumat.

"Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan hasil pertanian di negara

ini disamping mengurangkan eksport makanan kerana kita mempunyai sumber yang mencukupi untuk mengeluarkan hasil pertanian," katanya.

Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan dua hari ke daerah Tenom hari ini juga berkata, kerajaan akan mempelbagaikan jenis pengeluaran pertanian dan

ternakan yang sesuai di negara ini.

"Ternakan lembu boleh diusahakan di ladang kelapa sawit yang banyak terdapat di negara ini, hasilnya kita dapat mengurangkan import daging lembu," katanya.

Beliau juga berkata, usaha ternakan ikan air masin boleh dilakukan di ka-

wasan lagun yang banyak terdapat di negara ini.

"Ternakan ikan berkenaan berjaya dilaksanakan di Terengganu, Sabah patut memulakan ternakan berkenaan kerana ia mempunyai kawasan lagun yang banyak di perairan negeri untuk pasaran tempatan dan luar negara," katanya.